

**Dewan Rakyat: Universiti Pertanian Perlu Diwujudkan Semula
Bernama
4 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen Selasa mencadangkan agar Universiti Pertanian diwujudkan semula dan institusi pengajian berkaitan sektor itu diperbanyakkan bagi memastikan bidang pertanian negara dapat terus diperkasakan.

Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) berkata inisiatif itu perlu dibuat bagi memberi pendedahan yang lebih meluas kepada rakyat mengenai potensi industri pertanian.

Beliau berkata dengan cara itu, ia boleh meningkatkan minat masyarakat untuk menerokai bidang itu dan seterusnya mengurangkan tahap kebergantungan negara terhadap import bahan makanan daripada negara luar yang kini semakin meningkat.

"Bagaimana jika suatu hari nanti negara-negara seperti Thailand dan China menghentikan eksport beras ke negara kita. Apa akan jadi dengan nasib rakyat kita. Adakah mereka mahu makan ubi kayu. Setahu saya sekarang ini bekalan ubi kayu di negara kita pun boleh dikatakan tidak ada.

"Kerajaan perlu menjadikan industri pertanian salah satu enjin utama dalam memacu ekonomi negara dan bukan lagi di tempat ketiga," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Pemasaran Pertanian (Fama) (Pindaan) 2011 pada Persidangan Dewan Rakyat, di sini, Selasa.

Pindaan Akta Fama 1965 itu bagi memasukkan dua subseksyen baru iaitu Subseksyen (2A) dan 2(B), bertujuan memperluaskan kuasa Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) untuk mengeluarkan lesen mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 serta mengeluarkan perakuan bagi pengimportan.

Pindaan itu juga bagi membolehkan pegawai penguatkuasa yang dilantik di bawah akta baru itu menjalankan penguatkuasaan berhubung keluaran pertanian di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Bung Moktar turut menyentuh kepentingan untuk memperkasakan Fama kerana menyifatkan lembaga itu masih gagal melaksanakan peranannya secara total.

"Fama merupakan agensi yang amat penting dan sehingga kini ia gagal berperanan secara total kerana kemampuan mereka yang terhad. Saya kira agensi ini perlu diberikan peruntukan lebih besar supaya kemampuannya dapat ditingkatkan," katanya.

Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) yang turut membahaskan rang undang-undang itu berharap Terminal Agribisnes Negara (Teman) tidak menjadi pusat lambakan produk daripada luar negara, khususnya dari Thailand.

"Teman ini walaupun bangunannya cantik, indah tetapi saya pasti kelak 80 peratus barang

yang diniagakan di dalam Teman ini merupakan barang yang diimport daripada Thailand. Itu yang tak sedap dilihat, yang kita hendak tengok Teman ini menjadi pusat yang perniagaan dan pemborongan hasil makanan daripada petani tempatan," katanya.

Teman merupakan sebuah organisasi milik penuh Fama yang memegang peranan sebagai pusat pembekalan makanan moden yang menghubungkan pengeluaran dengan penggunaan dan berteraskan kepada sistem pemborongan dan pengedaran yang berintegrasi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Noh Omar ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu tidak menyentuh isu penubuhan universiti itu kerana disifatkan tidak berkaitan pindaan akta.

Bagaimanapun mengenai Teman, Noh berkata Teman di Gopeng, Perak dalam proses untuk dijadikan sebahagian Program Transformasi Desa (RTC) yang berperanan sebagai lokasi pasar borong, pusat penjualan secara runcit dan tempat latihan yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Setakat ini, Teman di Gopeng yang menempatkan 64 peruncit mencatat nilai hasil jualan kira-kira RM27 juta dan bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pertanian di kawasan itu.

Teman di Kota Bharu, Kelantan pula sejak mula beroperasi 21 Julai lepas melibatkan 350 orang usahawan dan mencatat hasil RM37 juta.

Mengenai pegawai penguatkuasa yang akan ditempatkan di Pusat Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Noh berkata pegawai yang ditempatkan adalah daripada jabatan berkaitan termasuk Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Rang Undang-Undang itu kemudiannya diluluskan. Turut diluluskan hari ini ialah Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2011.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617676>